

Kajian Penilaian Semula Program Khidmat Sosial sebagai Kaedah Amali Dakwah Non-Muslim Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM

Kod Projek: UKM-PTS-026-2009

¹*Abdul Ghafar Don (Ketua Projek), ¹Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, ¹Anuar Puteh
& ^{1,2}Badlihisam Mohd. Nasir*

¹Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam
²Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

PENGENALAN / PERNYATAAN MASALAH

Amali dakwah atau Latihan Amali Dakwah (LAD) merupakan satu kaedah yang perlu dan penting dalam menyediakan satu platform kepada para pelajar Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia untuk berdakwah secara langsung kepada masyarakat sama ada komuniti Muslim ataupun Non-Muslim. Melalui LAD ini para pelajar dapat mengembangkan potensi diri mereka dalam aspek-aspek seperti kepimpinan, psikologi, kaunseing, komunikasi, semangat kerja secara berpaskan (team work building) dan lain-lain berkaitan dengan amali dakwah. Program Khidmat Sosial adalah satu bentuk latihan yang disediakan kepada para pelajar untuk mereka melaksanakan amali dakwah kepada masyarakat. Setelah lebih 20 tahun melaksanakan amali dakwah melalui pendekatan kidmat social, JPDK berpandangan sudah sampai masanya untuk melihat dan menilai kembali perlaksanaan kaedah ini dalam amali dakwah. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji dan menganalisis kelemahan dan kekuatan program khidmat sosial serta mencadangkan penambahbaikan dalam perlaksanaan LAD pada masa akan datang.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Melihat kepentingan aspek amali dalam dakwah Non-Muslim melalui program khidmat sosial
2. Menilai keberkesanan perlaksanaan Latihan Amali Dakwah (LAD) Non-Muslim bagi subjek PM2022/23 – Metodologi Dakwah kepada Non-Muslim melalui program khidmat social
3. Mencadangkan penambahbaikan program khidmat sosial sebagai kaedah amali dakwah

METODE KAJIAN

1. **Kajian Dokumen:** Dokumen bertulis seperti tesis, jurnal, buku, laporan dan buletin berkaitan subjek kajian dikumpul dan dianalisis bagi membina landasan kajian.
2. **Kajian Lapangan:** Kajian lapangan menggunakan protokol soal selidik, temubual dan observasi. Untuk itu, set soal selidik diedarkan kepada 1) pelajar-pelajar JPDK yang telah mengikuti LAD meliputi soalan-soalan berkaitan pandangan mereka terhadap Program Khidmat Sosial. 2) Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) yang pernah bersama-sama menjayakan LAD. PMOA di Pahang (Zon Timur) seramai 18 orang telah diilih sebagai sample dalam kajian ini. Kaedah observasi juga digunakan bagi menyokong dapatan kajian. Ini dilakukan melalui pengalaman menyelia pelajar JPDK dalam LAD di beberapa lokasi amali.

PENCAPAIAN PROJEK (*OUTPUT*)

Seminar/Konferen

1. Seminar Antarabangsa Dakwah dan Multi Etnik, IKMAS Sarawak, 18-19 November 2009
2. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM, Awana Porto Malai, 14-16 Disember 2009
3. Fifth Annual Education and Development Conference , Bangkok, Thailand, 5- 7 Mac 2010
4. Conference From World Mission to Interreligious Witness: Visioning Ecumenics in the 21st Century, Trinity College, Dublin, Ireland, 17 Jun 2010

Penerbitan

1. Pendekatan Khidmat Sosial dalam Amali Dakwah: Perspektif Pengalaman Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, dalam Dakwah dan Multi-Etnik (Bab dalam buku)
2. “Developing Aboriginal People in Malaysia through Da’wah Approach” Fifth Annual Education and Development Conference.
3. “Da’wah Through Social Service Method: The Experience of the Department of Da’wah and Leadership Studies, Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia”, Conference From World Mission to Interreligious Witness: Visioning Ecumenics in the 21st Century, Trinity College, Dublin, Ireland, 17 Jun 2010.

KESIMPULAN

Kajian ini adalah di peringkat akhir. Data-data telah dikumpulkan untuk dianalisis. Dapatan kajian melalui projek penyelidikan ini diharap dapat membantu dalam penambahbaikan program khidmat sosial sebagai kaedah amali dakwah bagi LAD Non-Muslim subjek PM2022/23- Metodologi Dakwah kepada Non-Muslim.